

**PENGAGIHAN ZAKAT DALAM KONTEKS  
KESEJAHTERAAN MASYARAKAT ISLAM: SATU  
TINJAUAN BERASASKAN MAQASID AL-SYARI'AH**

**Mohamad Sabri Haron<sup>1</sup>, Riki Rahman<sup>2\*</sup>**

*<sup>1</sup>Pusat Citra Universiti (PCU), Universiti Kebangsaan Malaysia*

*<sup>2</sup>Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan  
Malaysia*

---

**ABSTRAK**

Artikel ini bertujuan untuk menghuraikan implikasi agihan zakat terhadap peningkatan kesejahteraan masyarakat, terutamanya masyarakat Islam. Huraian dipaparkan menerusi konsep maqasid al-syari'ah. Artikel ini berbentuk kajian kualitatif di mana pendekatan deskriptif dan analitikal digunakan bagi menjelaskan implikasi agihan zakat terhadap kesejahteraan masyarakat berasaskan maqasid al-syari'ah. Kaedah yang digunakan berupa kajian perpustakaan dengan mengambil rujukan daripada data-data sekunder. Artikel ini menyimpulkan bahawa terdapat hubungan yang erat antara agihan zakat, kesejahteraan masyarakat, dan maqasid al-syari'ah di mana agihan zakat memenuhi kehendak maqasid al-syari'ah dan dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Selain daripada itu, zakat juga berperanan dalam membasmi kemiskinan daripada bermaharajalela terutama di negara-negara yang penduduknya majoriti beragama Islam.

---

**KATA KUNCI:** *Agihan zakat, kesejahteraan masyarakat, maqasid al-syari'ah, pembasmian kemiskinan*

---

\* Corresponding author: Riki Rahman, ricky84rahman@gmail.com

## PENGENALAN

Zakat merupakan antara sumber kewangan bagi sesebuah negara Islam untuk meningkatkan ekonomi masyarakat khususnya golongan bawahan. Pengurusan kutipan dan agihan zakat yang efektif akan membangunkan kehidupan masyarakat yang unggul (Ahmad Fahme Mohd Ali et.al 2014). Menerusi pengurusan yang berhemah, ia mampu untuk mentransformasikan masyarakat, khususnya masyarakat Islam ke arah ketaqwaan demi melaksanakan perintah Allah SWT dan menegakkan kalimah *tauhid* di muka bumi. Asas utama penggunaan wang zakat adalah mengikut ketetapan yang digariskan oleh Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam surah *al-Taubah: 60* yang bermaksud:

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.*

Objektif utama agihan zakat ialah untuk menjadikan zakat sebagai asas pembangunan masyarakat, menunaikan hak dan tanggungjawab kepada golongan yang berhak yang ditetapkan oleh *syara'* serta melaksanakan usaha kebajikan dan meningkatkan penghayatan agama Islam. Pemahaman terhadap penggunaan wang zakat bukan sekadar memungut serta mengagihkan kepada yang berhak sahaja, malah ia perlu dilihat dari sudut *maqasid al-syari'ah* agar pengertian secara holistik tentang pengurusan zakat serta hal-hal yang berkaitan dengannya dapat dilaksanakan sebaik mungkin dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan syariat. *Maqasid syari'ah* adalah matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat Islam demi kepentingan umat manusia. Allah SWT menetapkan syariat-Nya untuk memberikan kebaikan (masalah) kepada manusia dan mengelakkan kerosakan (*mafsadah*).

## SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa penulisan yang mengkaji peranan zakat dalam mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan kesejahteraan masyarakat, terutamanya golongan miskin. Antara pengkaji yang meneliti perkara ini ialah Ataul Haq (1993); Mohammed Yusoff (2006); Patmawati Ibrahim (2008); Hasan Bahrom *et.al* (2010); dan Mohammed Yusoff (2011).

Ataul Haq (1993) berpendapat zakat memainkan peranan dalam meningkatkan taraf hidup orang Islam, yang mana ia dapat meningkatkan pendapatan dan membasmi kemiskinan serta mengurangkan jurang kaya dan miskin dalam kalangan mereka. Projek-projek yang dibiayai dari menggunakan dana zakat dalam bidang pendidikan, kesihatan, dan kebajikan sosial berpotensi besar meningkatkan produktiviti golongan miskin.

Kajian Mohammed Yusoff (2006) pula mendapati zakat berpotensi sebagai instrumen dasar fiskal yang utama dalam ekonomi Negara Islam kerana zakat berperanan sebagai penstabil semulajadi khususnya apabila negara menghadapi kegawatan ekonomi, iaitu kutipan zakat berkurang secara automatik. Ini membolehkan orang Islam berbelanja semula untuk memulih dan merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi. Ketika ekonomi dalam keadaan baik, sudah tentu banyak zakat yang dikutip, dan ini akan mengurangkan perbelanjaan seseorang, dan ia sekaligus mengurangkan aktiviti ekonomi dan fluktuasi ekonomi. Oleh itu, Zakat dapat bertindak sebagai salah satu sumber dalam menyelesaikan masalah semasa berlakunya kegawatan ekonomi. Dengan adanya zakat, ia dapat menyelesaikan masalah golongan miskin. Zakat juga berperanan dalam meningkatkan usaha-usaha yang produktif sehingga ia dapat membantu pendapatan golongan ini. Bagi bantuan modal perniagaan pula, ia akan dapat membuka peluang

pekerjaan dan golongan penerima ini tidak perlu lagi bergantung kepada sumber zakat. Akhir sekali, zakat dapat membantu Negara dalam mengurangkan masalah pengangguran.

Patmawati Ibrahim (2008) menghuraikan bahawa zakat berfungsi sebagai mekanisme agihan semula pendapatan dan kekayaan dimana ia mengelakkan berlakunya penumpukan harta di kalangan golongan tertentu dalam masyarakat. Menurut beliau, sumber –sumber yang ada dalam masyarakat wajar diagihkan kepada golongan miskin dan yang memerlukan bagi mengatasi masalah jurang pendapatan yang tidak saksama dalam kalangan mereka.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Hasan Bahrom *et.al* (2010) di Negeri Selangor, wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang, mendapati bahawa dana zakat yang diberikan kepada asnaf fakir dan miskin dalam bentuk modal perniagaan dapat meningkatkan pendapatan dan mengubah corak hidup mereka ke arah yang lebih baik.

Kajian yang dibuat oleh Mohammed Yusoff (2011) berkenaan hubungan antara zakat, pendidikan dan pertumbuhan ekonomi pula mendapati keputusan kajian menyokong hipotesis bahawa perbelanjaan zakat dan pendidikan adalah faktor penting dalam menentukan pertumbuhan ekonomi. Kedua-dua instrumen zakat dan pendidikan ini akan dapat meningkatkan program pembangunan ekonomi yang dijalankan. Pungutan dan agihan zakat perlu diurus dengan baik dan bijaksana agar matlamat membantu golongan miskin dapat direalisasikan.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian di atas tidak membincangkan kaitan antara agihan zakat dengan kesejahteraan masyarakat dari sudut pandang maqasid al-syariah. Oleh yang demikian, kajian ini cuba mengisi kekosongan ruang tersebut.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam setiap penyelidikan, bukan hanya dapatan kajian yang menjadi hal utama, melainkan juga metodologi kajian yang digunakan. Ini kerana metodologi kajian menjadi tonggak asas untuk mendapatkan data dari sesebuah proses penyelidikan. Metodologi dalam kajian ini berbentuk metodologi kajian sains sosial. Mengikut Gumilar Rusliwa Somantri (2005), metodologi kajian sosial adalah satu cara sistematis yang digunakan pengkaji untuk memperoleh data yang diperlukan dalam proses mengenalpasti dan menjelaskan fenomena sosial yang sedang dikaji. Objektif kajian ini ialah untuk menghuraikan implikasi agihan zakat terhadap peningkatan kesejahteraan masyarakat Islam. Untuk mencapai objektif tersebut, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif supaya pengkaji memiliki kebebasan dan ruang yang lebih luas untuk memaknai dan mentafsirkan data yang dikumpul.

Kajian ini adalah kajian kualitatif, iaitu kajian yang mengutamakan kepada proses dan persepsi di mana kajian yang dilakukan dapat mengungkap pelbagai maklumat kualitatif dengan mendeskripsikan dan menganalisis maklumat tersebut secara cermat dan penuh makna, di samping tidak menepikan maklumat bersifat kuantitatif yang berbentuk angka-angka (Noeng Muhadjir, 1996). Pendekatan kualitatif dipilih kerana dengan menggunakan pendekatan ini, pengkaji dapat menginterpretasi data dengan cara memberikan makna, menerjemahkan, dan menjadikan hasil interpretasi itu sebagai data (Neuman, 1997). Oleh yang demikian, pengkaji memiliki ruang kebebasan untuk menginterpretasi data-data yang diperoleh secara deskriptif bagi menjawab permasalahan dalam kajian ini.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian kepustakaan dengan mengambil rujukan daripada data-data sekunder seperti buku, jurnal dan laman sesawang. Data-data tersebut kemudian dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif analisis. Mengikut Hadari Nawawi (1983), kaedah deskriptif diertikan sebagai prosedur menjawab permasalahan kajian dengan menggambarkan keadaan yang diteliti seperti manusia, institusi, masyarakat, dan lain-lain pada masa sekarang berdasarkan fakta-fakta yang terjadi. Mengikut Iswara (1974) pula,

kaedah deskriptif adalah prosedur penyelidikan masalah-masalah yang dikaji bagi memberikan gambaran-gambaran ke atas fakta yang berlaku secara tepat. Adapun yang dimaksud kaedah analisis adalah metodologi penyelidikan yang memberikan penekanan kepada penela'ahan secara mendalam terhadap masalah yang dikaji yang disusun secara sistematik dengan menunjukkan hubungan antara fakta yang satu dengan yang lain (Iswara 1974). Oleh yang demikian, hujah dan perbincangan bagi menganalisis permasalahan kajian dan data kajian dalam tesis ini diberi tumpuan.

### KONSEP MAQASID AL-SYARIAH

*Maqasid* merupakan bentuk plural (jama') dari *maqsud* yang berasal daripada kata *qasada* yang bermaksud menuju, bertujuan, berkeinginan dan kesengajaan (Wehr, 1980). Kata *maqsud-maqasid* dapat diertikan sebagai tujuan atau beberapa tujuan. Sedangkan *al-Syari'ah* berasal daripada kata *syara'a* yang bermaksud jalan menuju sumber air sebagai sumber kehidupan (al-Afriqi, t.th). Oleh itu, secara terminologi *maqashid al-syari'ah* boleh diertikan sebagai tujuan-tujuan ajaran Islam atau dapat juga difahami sebagai tujuan-tujuan pembuat syariat (Allah SWT) dalam menggariskan ajaran atau syari'at Islam. Tidak dapat dinafikan bahwa Syatibi adalah pengasas ilmu *maqasid* kerana ia buat pertama kalinya menyusun *maqasid al-syari'ah* secara sistematik dalam kitabnya *al-muwafaqat fi usul al-syari'ah* sehingga wajar disebut sebagai perintis *Maqasid syari'ah* (Hasbullah, 2011).

*Maqasid al-syariah* menurut Imam al-Syatibi secara dasarnya terangkum dalam tiga kategori iaitu *dharuriyyat*, *hajiyyat*, dan *tahsiniyyat*. *Dharuriyyat* iaitu segala sesuatu yang sangat penting dalam kelangsungan hidup manusia untuk dipenuhi. *Dharuriyyat* merangkumi lima perkara iaitu menjaga agama, nyawa, akal, harta dan keturunan (maruah). Kelima-lima perkara ini adalah keperluan asasi yang amat diperlukan oleh setiap manusia. Seandainya salah satu daripada keperluan ini tidak dipenuhi, maka kehidupan manusia tiada ertinya lagi (Hamka Haq, 2007). Sebarang perkara dan tindakan yang mencabul kelima-lima perkara ini akan dianggap sebagai *mafsadah* (Mahmood Zuhdi & Paizah, 2004). Mohammed Hashim Kamali (2010) berpendapat bahawa pengabaian kepada perkara asasi ini boleh membawa kepada kehancuran dan keruntuhan peribadi dan masyarakat. Adapun *hajiyyat* adalah sesuatu keperluan hidup bagi memudahkan kehidupan dan kelapangan dalam menjalankan tugas seharian di dunia. Ia merupakan satu keperluan bagi mengelakkan kesusahan hidup di dalam masyarakat, dengan kata lain umat manusia akan menghadapi kesempitan tanpa asas ini dari dipenuhi. Sedangkan *tahsiniyyat* pula suatu keperluan yang tidak terlalu penting, ia berbentuk keselesaan semata-mata bukan suatu kemestian (Hamka Haq, 2007).

### INSTITUSI ZAKAT

Institusi zakat adalah agensi yang memegang amanah untuk mengagihkan zakat serta melaksanakan pelbagai bentuk program agihan dan bantuan zakat demi manfaat umat Islam seluruhnya. Secara bahasa zakat bererti *nama'* (kesuburan), *thaharah* (kesucian), *barakah* (berkat), dan *tazkiyah tathir* (mensucikan). Ia dinamakan zakat kerana zakat merupakan satu sebab yang diharapkan akan mendatangkan kesuburan atau menyuburkan pahala. Ia juga dinamakan zakat kerana merupakan suatu kenyataan dan kesucian jiwa dari sifat kedekut dan dosa (Ash Shiddieqy, 1975). Zakat berbeza dengan sumber-sumber pendapatan kerajaan yang lain di mana tanggungjawab membayar zakat merupakan sebahagian daripada ibadah dalam kehidupan orang Islam. Allah SWT telah menyatakan dalam surah *al-Taubah: 71* bahawa menunaikan zakat itu merupakan sebahagian daripada ciri-ciri seorang muslim:

*"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah*

dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.

Sebagai salah satu daripada rukun Islam, arahan untuk melaksanakan tanggungjawab zakat ini adalah sangat besar di mana bagi mereka yang gagal melaksanakannya akan mendapat balasan azab yang pedih di dunia dan akhirat . Perkara ini dinyatakan dalam surah *al-Fushshilat: 6-7*, yang mengkhabarkan ancaman Allah terhadap orang-orang *musyrik*. Ayat ini turut menerangkan ciri-ciri orang *musyrik*, diantaranya ialah tidak menunaikan zakat dan tidak mempercayai kewujudan hari akhirat.

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang Satu; maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan yang betul lurus (yang membawa kepada mencapai keredaanNya), serta pohonlah kepadaNya mengampuni (dosa-dosa kamu yang telah lalu). Dan (ingatlah), kecelakaan besar bagi orang-orang yang mempersekutukanNya (dengan sesuatu yang lain), Iaitu orang-orang yang tidak memberi zakat (untuk membersihkan jiwa dan hartabendanya) dan mereka pula kufur ingkar akan adanya hari akhirat”.

Dalam ayat yang lain iaitu surah *al-A'raaf: 156*, Allah menjanjikan rahmatNya ke atas mereka yang menunaikan zakat:

“Dan tetapkanlah untuk Kami kebaikan dalam dunia ini dan juga di akhirat, sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepadaMu". Allah berfirman: "AzabKu akan Aku timpakan kepada sesiapa yang Aku kehendaki, dan rahmatKu meliputi tiap-tiap sesuatu; maka Aku akan menentukannya bagi orang-orang yang bertaqwa, dan yang memberi zakat, serta orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami”.

### **i. Tujuan Zakat**

Syari'at telah menekankan bahawa penubuhan sebuah masyarakat yang adil, berperikemanusiaan dan bersatu padu, melindungi manusia dari kelaparan, menjamin keselamatan sosial dan menjaga maruah dan kehormatan insan adalah elemen-elemen yang sangat penting dalam kehidupan sosial kemasyarakatan. Oleh itu, Islam meletakkan zakat sebagai satu mekanisme yang dapat menyelamatkan manusia dari kelaparan, menjamin keadilan sosio-ekonomi dalam masyarakat dan menyediakan satu suasana yang membolehkan manusia memelihara kehormatan dan melaksanakan tanggungjawab kepada Allah. Zakat telah disyariatkan untuk memenuhi matlamat yang jelas dalam masyarakat. Secara ringkasnya menurut Al-Harran (1993), zakat telah ditetapkan oleh Allah SWT dengan matlamat utamanya ialah mewujudkan sistem jaminan keselamatan sosial bagi mereka yang miskin dan memerlukannya, membangunkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dalam masyarakat, dan juga sebagai satu bentuk penyucian dan pembangunan spiritual.

### **ii. Penerima Zakat**

Sepertimana firman Allah SWT dalam surah *al-Taubah: 60* bahawa penerima agihan zakat yang dipanggil sebagai *asnaf* merangkumi lapan golongan, iaitu:

- Fakir
- Miskin
- Amil Zakat (Orang yang menguruskan pentadbiran dan agihan zakat)
- Muallaf (Orang yang baru masuk Islam)
- Riqab (Untuk membebaskan hamba)
- Gharim (Orang yang berhutang)
- Fi Sabilillah (Melakukan segala sesuatu demi menegakkan syari'at)
- Ibnu Sabil (Musafir)

Menurut Mannan (1992) enam daripada lapan golongan *asnaf* tersebut adalah berkaitan dengan kemiskinan (ekonomi). Dengan demikian dapat dilihat peranan zakat dalam membasmi kemiskinan adalah menjadi perkara yang penting dalam Islam. Oleh itu, sewajarnya seluruh umat Islam sedar dan patuh untuk mengeluarkan zakat selain daripada menyucikan harta yang dimiliki zakat juga dapat membantu golongan yang memerlukan sebagaimana yang telah disebutkan di atas.

### iii. Bentuk-bentuk Agihan Zakat

Selain dari pengelasan kepada lapan golongan penerima (*asnaf*) zakat di atas, para penerima zakat juga boleh diklasifikasikan kepada dua golongan iaitu penerima zakat produktif dan tidak produktif. Para penerima agihan yang mampu berusaha memperbaiki taraf hidup dikategorikan sebagai produktif, manakala mereka yang tidak upaya disebabkan lanjut usia, masalah kesihatan, kecacatan dan sebagainya dikategorikan sebagai golongan tidak produktif. Bantuan yang diberikan kepada mereka bergantung kepada sejauh mana keperluan mereka berdasarkan kajian yang dilakukan oleh agensi zakat terbabit terhadap keperluan *asnaf* dari masa ke semasa. Secara umum ada enam kategori utama jenis bantuan zakat yang dilihat dari pelbagai aspek sosio-ekonomi masyarakat, iaitu bantuan penggunaan semasa untuk makanan dan sara hidup, bantuan perubatan, bantuan pendidikan, bantuan keusahawanan, bantuan keagamaan, bantuan kecemasan (Patmawati, 2007).

### KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

Kesejahteraan berasal dari kata dasar sejahtera. Ia dapat ditakrifkan sebagai bebas daripada segala macam kesusahan dan lain-lain; aman sentosa dan makmur; selamat. Kesejahteraan pula membawa maksud hal atau keadaan sejahtera; keamanan, keselamatan, ketenteraman (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010). Adapun dari segi istilah, sarjana-sarjana Barat telah membincangkan maksud kesejahteraan manusia dengan pelbagai makna. Travers & Richardson (1997) dan Gasper (2002) telah membincangkan maksud kesejahteraan sebagai satu konsep yang digunakan untuk dirujuk kepada apa sahaja yang digunakan bagi menilai situasi dan keadaan kehidupan seseorang. Mudahnya, ia merupakan satu penerangan tentang keadaan hidup seseorang manusia. Dimensi kesejahteraan telah dikenalpasti dan terdapat pelbagai dimensi contohnya berilmu, persahabatan, penzahiran diri, perhubungan, integriti, kesihatan, jaminan ekonomi, kebebasan, kasih sayang, harta dan masa berehat (Alkire, 2002). Mengikut Badawi (1986), kesejahteraan ialah keadaan di mana keperluan dasar bagi individu atau kelompok dapat dipenuhi berupa keperluan makanan, pendidikan, kesihatan, dan jaminan daripada bencana kehidupan.

Dalam pada itu, Veenhoven (2004) merumuskan bahawa kesejahteraan manusia adalah bermaksud kualiti hidup. Menurut beliau lagi kualiti hidup ini boleh diukur melalui kaedah yang digunakan oleh *United Nation for Development Program* (UNDP). UNDP mengukur kualiti hidup manusia dengan melihat kepada Indeks Pembangunan Manusia yang mengukur tiga perkara iaitu:

- i. Kekayaan masyarakat diukur dengan melihat kepada kuasa beli per orang.
- ii. Pendidikan diukur dengan kadar celik huruf dan persekolahan.
- iii. Jangka hayat sewaktu lahir.

UNDP juga memasukkan dua item lain dalam mengukur pembangunan manusia iaitu:

- i. Kesaksamaan gender yang diukur menerusi *Gender Empowerment Index* yang memabitkan nisbah lelaki dan perempuan berkaitan kadar celik huruf, kemasukan ke sekolah dan pendapatan.
- ii. Kemiskinan yang diukur melalui kematian pra matang, kadar buta huruf *functional* dan kekurangan pendapatan.

Meskipun begitu, definisi-definisi di atas pada amnya lebih merujuk kepada kesejahteraan dari sisi material atau kesejahteraan *duniawi* semata-mata. Sedangkan dalam Islam, konsep kesejahteraan mempunyai skop yang lebih luas di mana ia tidak terhad kepada kesejahteraan *duniawi* sahaja malah ia merangkumi kesejahteraan *ukhrawi*, dan inilah yang disebut sebagai *al-falah*. Choudhury (2009) menjelaskan bahawa konsep kesejahteraan dalam Islam mempunyai hubungan yang rapat dengan keesaan Allah SWT atau *tauhid*.

Dari sudut pandang Islam, konsep kejayaan (*al-falah*) yang ditekankan ialah mendapat keuntungan, kebahagiaan dan kejayaan bukan sahaja di dunia tetapi juga kejayaan di akhirat sebagaimana manusia ingin mencapai keeselesaian dunia, sewajarnya juga manusia melihat dari sudut keeselesaian akhirat. Oleh yang demikian, kesemua tatacara hidup Islam adalah ibadah sama ada ibadah umum atau khusus. Dengan demikian, dunia adalah jambatan kepada akhirat. Jelas di sini bahawa konsep *al-falah* yang dibawa oleh Islam adalah untuk menyemarakkan lagi kemurnian dan keagungan peradaban Islam demi kesejahteraan masyarakat dengan cara mengintegrasikan keperluan *duniawi* dan *ukhrawi* secara bersepadu mengikut panduan agama. Al-Quran telah meletakkan mekanisme-mekanisme yang tertentu bagi mencapai *al-falah* ini. Secara mudahnya, mekanisme yang dikenalpasti sebagai formula untuk mencapai kejayaan adalah dengan mendirikan solat dan khusyuk dalam solatnya, mengelakkan diri daripada perbuatan dan ucapan yang tidak bermanfaat bagi diri sendiri dan orang lain, menzakatkan hartanya, dan menjaga kehormatannya. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah *al-Mu'minun: 1-6*, maksudnya:

*“Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya, Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia, Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu), Dan mereka yang menjaga kehormatannya, Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela”.*

#### **HUBUNGAN ANTARA ZAKAT, MAQASID AL-SYARIAH, DAN KESEJAHTERAAN UMAT**

Apabila ditinjau dengan lebih mendalam tanggungjawab membayar zakat itu dapat mencapai kelima-lima unsur *maqasid al-syari'ah*.

##### **i. Prinsip Menjaga Kemuliaan Agama**

Menjaga kemuliaan agama adalah amat penting dan wajib bagi seseorang muslim. Ini bermakna mereka perlu memelihara kesucian agama dalam apa jua keadaan. Segala tindak-tanduk mestilah tidak bertentangan dengan ajaran Islam. segala perintah Allah harus dilaksanakan dan segala larangannya harus di jauhi. Membayarkan zakat sebagai bentuk ketaatan seorang yang beragama Islam kepada Allah SWT kerana ia termasuk kategori menjaga kemuliaan agama.

##### **ii. Prinsip Menjaga Nyawa**

Sebagai seorang individu muslim berhak dan sewajarnya bertanggungjawab bagi memastikan keperluan menjaga nyawa (termasuk nyawa orang Islam yang lain) ini dipenuhi demi kesejahteraan semua dan tidak melakukan sesuatu yang akan mengancam nyawa diri sendiri dan masyarakat. Dengan amalan membayarkan zakat dan mengagihkan zakat bererti kita telah menjaga keperluan hidup orang-orang yang memerlukan agihan zakat tersebut terutama golongan fakir dan miskin daripada ancaman keburluran.

##### **iii. Prinsip Menjaga Akal dan Fikiran**

Akal dan fikiran penting untuk menggarap ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sewajarnya bagi membolehkan mereka mencari sumber rezeki yang halal. Tanpa kewarasan akal dan fikiran, kemungkinan seseorang akan terdorong untuk melakukan kekerasan, keganasan dan hilang rasa

hormat menghormati ketika mencari sumber rezeki yang halal. Zakat sewajarnya dihasilkan daripada sumber yang halal dan ia membentuk keperibadian dan kesejahteraan masyarakat.

iv. Prinsip Menjaga Maruah dan Keturunan

Orang Islam yang menunaikan kewajipannya membayar zakat akan melahirkan penghormatan daripada ahli masyarakat disamping keberkatan dalam kehidupan. Sebaliknya mereka yang tidak membayarkan zakat walaupun sudah memenuhi syarat-syaratnya akan dibenci bahkan dalam sejarah Saidina Abu Bakar r.a pernah memerangi orang yang tidak membayar zakat (Alatas, t.th).

v. Prinsip Menjaga Harta

Di dalam ajaran Islam sendiri mengalakkan umatnya mencari sumber rezeki dan harta yang halal bagi memenuhi keperluan asas mereka seperti makan, pakaian, dan tempat tinggal. Selain itu, harta yang dizakatkan harus juga bersumber dari pendapatan yang halal. Sekalipun harta biasanya diletakkan pada peringkat paling bawah, namun harta penting sebagai *wasilah* untuk mencapai penjagaan aspek-aspek lain sehingga kepada penjagaan terhadap agama (Mohamad Sabri Haron, 2011).

Apabila semua unsur-unsur *maqasid al-syari'ah* dalam pembayaran dan pengagihan zakat terpenuhi, maka kesejahteraan masyarakat akan dapat direalisasikan. Segala masalah ekonomi, kewangan, dan kemiskinan yang melanda umat Islam dewasa ini akan dapat dikurangkan secara maksima.

### **AGIHAN ZAKAT MEREALISASIKAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT ISLAM**

Zakat diagihkan untuk membantu golongan yang miskin dan memerlukan bagi memenuhi keperluan asas mereka. Ia diagihkan untuk memenuhi pelbagai keperluan jangka pendek dan panjang. Zakat hanya boleh diagihkan kepada golongan-golongan yang tertentu sahaja, seperti dinyatakan dalam surah *al-Taubah: 60* yang bermaksud:

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.*

Perkataan *“sebagai satu ketetapan dari Allah”* dalam ayat di atas menunjukkan bahawa sedekah-sedekah yang dimaksudkan dalam ayat di atas, iaitu zakat, bukannya satu bentuk derma pilihan (*optional charity*), sebaliknya satu tanggungjawab yang wajib dilaksanakan (*obligation*). Lapan golongan (*asnaf*) yang layak menerima agihan zakat telah dinyatakan oleh Allah melalui ayat di atas dan mestilah dipatuhi dalam mengagihkan hasil-hasil zakat (Patmawati, 2007).

Jelas di sini bahawa lapan *asnaf* zakat merangkumi pelbagai golongan yang memerlukan bantuan kewangan. Golongan berpendapatan rendah dan memerlukan, sementara ataupun kekal, semuanya dilindungi oleh zakat. Sebahagian besar dari zakat akan diagihkan kepada mereka yang berpendapatan rendah dalam ekonomi. Oleh itu, wang yang dipungut dari golongan berpendapatan tinggi dalam masyarakat akan dipindahkan kepada golongan yang berpendapatan rendah melalui institusi zakat, mempunyai kesan agihan semula yang berkesan dalam masyarakat (Patmawati, 2007). Zakat juga bertujuan untuk membantu ahli-ahli lain dalam masyarakat yang tidak miskin dari segi material dan kewangan pada asalnya, sebaliknya menghadapi masalah kewangan dan material tanpa dijangka, seperti menghadapi masalah kewangan dalam perjalanan. Zakat juga dapat meringankan bebanan orang-orang yang tidak



mampu menyelesaikan hutang. Peranan zakat juga sangat penting dalam membantu mereka yang berjuang menegakkan agama Allah (Patmawati, 2007).

Sebagai tambahan, kutipan dan agihan zakat mempunyai implikasi sosio-ekonomi yang penting. Antara yang utama ialah berkaitan dengan agihan pendapatan dan pembasmian kemiskinan.

### **i. Agihan Pendapatan**

Segala bentuk kekayaan yang dikurniakan Allah SWT di muka bumi tidak boleh tertumpu hanya kepada satu golongan yang tertentu sahaja. Sebaliknya, ia perlulah beredar di kalangan semua ahli dalam masyarakat. Konsep keadilan dalam Islam tidak bermaksud pulangan yang sama kepada setiap ahli dalam masyarakat tanpa mengambil kira sumbangan mereka. Islam menerima adanya ketidakseimbangan agihan pendapatan disebabkan oleh kedudukan manusia itu tidak sama secara semulajadi dari segi tingkahlaku, kepakaran, dan sumbangan mereka terhadap masyarakat (Al-Quran, 6:165, 61:71, dan 43:32). Bagaimanapun, keperluan asas setiap individu adalah terjamin dalam sebuah kerajaan Islam. Di sini, zakat memainkan peranan sebagai mekanisme agihan semula pendapatan dan kekayaan. Zakat dilaksanakan untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan agihan pendapatan, dan mengelakkan daripada berlakunya penumpukan harta di kalangan golongan tertentu sahaja dalam masyarakat (Al-Quran, 59:7).

Oleh kerana zakat adalah salah satu daripada rukun Islam maka kebarangkalian untuk umat Islam di sesuatu negara untuk mengeluarkan zakat adalah tinggi. Patmawati (2008) menjelaskan bahawa zakat menyediakan mekanisme di mana sumber-sumber yang ada dalam masyarakat akan diagihkan kepada yang miskin dan memerlukan. Dengan itu, jurang agihan pendapatan dalam masyarakat akan dapat dirapatkan. Selain itu dengan adanya zakat, penerima zakat juga akan mempunyai kuasa beli dengan adanya agihan wang zakat kepada mereka. Selain dalam bentuk agihan wang, penerima zakat juga menerima zakat dalam pelbagai bentuk iaitu bantuan penggunaan semasa (untuk makanan dan sara hidup) bantuan perubatan, bantuan pendidikan, bantuan keusahawanan, bantuan keagamaan dan bantuan kecemasan.

### **ii. Pembasmian Kemiskinan**

Objektif sosio-ekonomi yang utama bagi zakat ialah membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Islam. Islam menganggap kemiskinan sebagai satu masalah yang serius. Kemiskinan merupakan salah satu punca berlakunya jenayah dalam masyarakat. Kemiskinan juga membawa kepada rasa benci dan permusuhan di antara golongan kaya dan miskin, yang akan membawa kepada konflik sosial dalam masyarakat. Nabi Muhammad SAW memberi perhatian yang berat terhadap isu kemiskinan. Baginda telah menjelaskan kepada para sahabat bahawa zakat perlu dibelanjakan untuk membantu golongan miskin. Imam Abu Hanifa telah mengikuti langkah ini dan mengisytiharkan bahawa zakat hanya digunakan untuk kebajikan golongan miskin. Sehubungan dengan itu, para ulama Islam telah bersependapat bahawa keutamaan dalam agihan zakat ialah untuk membasmi kemiskinan (Patmawati, 2007).

Menurut Mohd. Ma'sum Billah (1996) zakat juga telah dikenalpasti sebagai komponen utama dalam sistem keselamatan sosial Islam. Adapun menurut Imtiaz et.al (1989), zakat boleh mengurangkan taraf kemiskinan (walaupun tidak membasminya) dan mengurangkan jurang agihan pendapatan (walaupun tidak menghapuskannya), serta berpotensi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Sedangkan Monzer Kahf (1989) berpandangan zakat tidak terhad kepada menyediakan sara hidup untuk golongan miskin sahaja, malah ia lebih bertujuan untuk memperkayakan mereka.

Mannan (1992) melihat bahawa zakat boleh berperanan untuk meningkatkan taraf hidup, pendapatan dan seterusnya membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang agihan pendapatan melalui kesan pengganda dari zakat. Projek-projek yang dibiayai menggunakan dana

zakat dalam bidang pendidikan, kesihatan, kebajikan sosial, dan lain-lain akan meningkatkan produktiviti golongan miskin dengan memenuhi keperluan asas mereka. Pendapatan golongan miskin akan meningkat sebagai kesan dari peningkatan produktiviti.

Muhammad Anwar (1995) melihat bahawa pembangunan ekonomi golongan fakir dan miskin merupakan satu isu yang serius, dan tidak boleh ditangani secara bermusim. Oleh itu, perlu ada perancangan projek jangka pendek dan jangka panjang dalam program-program pembangunan masyarakat miskin. Menurut Anwar, selain daripada digunakan untuk penggunaan jangka pendek dan semasa, dana zakat juga boleh digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan jangka panjang yang akan mendatangkan faedah jangka panjang kepada golongan fakir dan miskin dalam masyarakat. Menurut kajiannya, penggunaan dana zakat sebegini dibenarkan dalam Islam.

Zakat sebagai satu rukun Islam merupakan satu kewajipan kepada individu muslim yang layak. Ini bermakna kesejahteraan masyarakat akan dicapai kerana adanya zakat. Zakat fitrah diwajibkan kepada setiap muslim yang merdeka apabila tibanya 1 Syawal manakala zakat harta yang lain juga diwajibkan kepada umat Islam yang cukup syarat ke atas diri dan hartanya. Oleh kerana Syariah memperundangkan kaedah agihan semula kekayaan (zakat) dalam bentuk pelaksanaan ibadat, motivasi utama seseorang Muslim untuk mengagihkan zakatnya dan berkongsi kekayaannya dengan orang lain adalah kerana mereka menzahirkan keimanan dan dijanjikan pahala sepertimana firman Allah SWT dalam Surah *Muhammad*: 38 yang maksudnya:

*“(Ingatlah), kamu ini adalah orang-orang yang bertabiat demikian - kamu diseru supaya menderma dan membelanjakan sedikit dari harta benda kamu pada jalan Allah, maka ada di antara kamu yang berlaku bakhil, padahal sesiapa yang berlaku bakhil maka sesungguhnya ia hanyalah berlaku bakhil kepada dirinya sendiri. Dan (ingatlah) Allah Maha kaya (tidak berhajat kepada sesuatupun), sedang kamu semua orang-orang miskin (yang sentiasa berhajat kepadaNya dalam segala hal). Dan jika kamu berpaling (daripada beriman, bertaqwa dan berderma) Ia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain; setelah itu mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu”.*

Mereka ingin berkongsi harta kekayaan mereka dengan orang lain supaya orang yang memerlukan dapat merasa keselesaan dan kesejahteraan hidup hasil agihan kekayaan mereka disebabkan oleh iman dan kepercayaan kepada Allah (Asmak, 2009).

## **KESIMPULAN**

Zakat sangat erat kaitannya dengan *maqasid al-syari'ah* dan kesejahteraan masyarakat di mana ia telah ditetapkan oleh Allah dengan matlamat utama sebagai satu bentuk jaminan keselamatan sosial bagi mereka yang miskin dan memerlukannya, membangunkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dalam masyarakat, dan juga sebagai satu bentuk penyucian jiwa. Dari segi sosio-ekonomi, peranan zakat memiliki dua implikasi iaitu agihan pendapatan (zakat) dan membasmi kemiskinan. Islam tidak menghendaki kekayaan itu dimonopoli oleh seseorang atau segelintir orang sahaja, melainkan ia harus beredar di kalangan masyarakat lain khususnya mereka yang lebih memerlukannya. Oleh itu, sewajarnya sebahagian harta itu dikeluarkan dalam bentuk kewajipan zakat bagi memenuhi tuntutan *syara'*.

Dalam pada itu, Islam juga memandang serius masalah kemiskinan yang melanda kehidupan masyarakat. Oleh itu, zakat memainkan peranan penting bagi membasmi kemiskinan daripada bermaharajalela. Untuk merealisasikan kesejahteraan masyarakat menerusi agihan zakat diperlukan kesedaran umat Islam untuk mengeluarkan zakatnya apabila sudah terpenuhi semua syarat-syaratnya. Adalah mustahil kesejahteraan itu dapat direalisasikan jika pihak yang menunaikan wajib zakat tidak menyedari kewajibannya untuk mengeluarkan zakat. Di samping

itu pengelolaan agihan zakat oleh badan-badan zakat atau *amil* zakat yang profesional juga sangat diperlukan agar agihan zakat itu berkesan dan *right on target*.

#### **RUJUKAN**

- Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faisol Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab Aziz dan Fuadah Johari .2014. Konsep dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar dan Jantina dalam Pengagihan Zakat. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 8, 14-26.
- Alatas, Syed Hasan. t.th. Khalifah Abu Bakar Assiddiq. <http://www.shiar-islam.com/doc64.htm>, 10 Januari 2014.
- Alkire, S. 2002. Dimensions of Human Development. *World Development*, 30(2), 181–205.
- Al-Afriqi, Ibn Mansur. t.th. Lisan al-‘Arab. Beirut: Dar ash-Shadr.
- Al-Harran, Saad Abd Sattar. 1993, Islamic Finance. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Ash Shiddieqy, T.M. Hasbi. 1975. Pedoman Zakat. Jakarta: Bulan Bintang.
- Asmak Ab Rahman. 2009. Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152.
- Ataul haq. 1993. Development and Distribution in Islam. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Badawi, A. Zaki. 1986. Mu’jam Mushtalahat al-‘Ulum al-Ijtima’iyah. Beirut:Maktabah Lubnan.
- Choudhury, Masudul Alam. 1986. Contribution to Islamic Economic Theory: A Study in Social Economics. Hongkong: The MacMillan Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. Kamus Pelajar Edisi Kedua. <http://prpm.dbp.gov.my/carian.aspx?cari=sejahtera&domain=PRPM>, 13 Januari 2014.
- Gaspar, D. 2002. Is Sen’s Capability Approach an Adequate Basis for Considering Human Development?. *Review of Political Economy*, 14(4), 435–61.
- Gumilar Rusliwa Somantri. 2005. Memahami Metode Kualitatif. *Makara, Sosial Humaniora*, 9(2), 57-65.
- Hadari Nawawi. 1983. Metode Penelitian Bidang Sosial. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Hasan Bahrom, Jailani Sidek & Muhamad Azam Adil. 2010. Agihan Dana Zakat Sebagai Modal Perniagaan kepada Asnaf Fakir dan Miskin di Malaysia. The 4th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010), 21-22 September.
- Hasbullah bin Mat Daud. 2011. Teori Maqasid al-Syari’ah: Kajian Perbandingan Antara Pemikiran al –Syatibi dan ‘Izz al - Din Ibn ‘Abd al –Salam. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Imtiaz I.A., Mannan M.A., Niaz M.A. and Deria A.H. 1989. Management of Zakat in Modern Muslim Society. Jeddah: Islamic Research and Training Institute, IDB.
- Iswara, F. 1974. Pengantar Ilmu Politik. Bandung: Dwiwantara.

- Kahf, M. 1989. Zakat: Unresolved Issues In The Contemporary Fiqh. *Journal of Islamic Economics*, 2(1), 1-22.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail. 2004. Pengantar Pengajian Syariah. Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn Bhd.
- Mannan, Muhammad Abdul. 1992. Ekonomi Islam: Teori Praktis (Asas-Asas Ekonomi). Terj. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Mohamad Sabri Haron. 2011. Isu-isu Ekonomi dalam Dimensi Pemikiran Islam. Bangi: Pusat Pengajian Umum, UKM.
- Mohammed Hashim Kamali. 2010. Al-Maqasid Al-Shari'ah The Objectives Of Islamic Law. <http://www.aml.org.uk/cms/assets/Uploads/journals/3.1/Kamali-Maqasid.pdf>, 13 November 2014.
- Mohd. Ma'sum Billah. 1996. The Modern Social Security System – The Institution Of 'Zakat' An Appraisal. *Business Law Journal*, February 1996.
- Muhammad Anwar. 1995. Financing Socio-Economic Development With Zakat Funds. *Journal of Islamic Economics*, 4(1-2), 15-32.
- Neuman, W. L. 1997. Social research methods: qualitative and quantitative approaches. Ed. ke-3. Boston: Allyn and Bacon.
- Noeng Muhadjir. 1996. Metodologi Penelitian Kualitatif. Yogyakarta: Rake Sarasin.
- Patmawati Ibrahim. 2007. Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah. Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007 di PWTC, Kuala Lumpur, 22/5/07 – 24/5/07.
- Patmawati Ibrahim. 2008. Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirik. *Jurnal Syariah*, 16(2), 223-244.
- Travers, P. and Richardson, S. 1997. Material Well-Being and Human Well-Being. Dalam F. Ackerman, D. Kiron, N. R. Goodwin, J. M. Harris and K. Gallagher (eds.). *Human Well-Being and Economic Goals*. Washington DC: Island Press.
- Veenhoven, Ruut. 2004. Subjective Measures of Well-being. Discussion Paper No. 2004/07. Helsinki, Finland.
- Wehr, Hans. 1980. A Dictionary of Modern Written Arabic. London: McDonald & Evan Ltd.
- Yusoff, Mohammed. 2006. Fiscal Policy in Islamic Economy and The Role of Zakat. *IJUM Journal of Economic and Management*, 14(2), 117-145.
- Yusoff, Mohammed. 2011. Zakat expenditure, school enrollment, and economic growth in Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 2(6), 175-181.